
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2015/2016

Jun 2016

**HKB 507 - KARYA TERPILIH PEMENANG HADIAH NOBEL
DALAM KESUSASTERAAN**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Jawab DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan lagi daripada Bahagian B.

Bahagian A

- Di permulaan *Gitanjali* oleh Rabindranath Tagore, si persona memohon untuk mendekati Yang Abadi. Pada nyanyian ke-100, di kemuncak karya tersebut, beliau melafazkan "Now I am eager to die into the deathless." Apakah yang dimaksudkan dengan kata-kata tersebut, dan jelaskan perkembangan yang dialami oleh si persona sebelum dan sesudahnya?

[100 markah]

- Bincangkan perhubungan antara Shimamura dengan Komako dalam novel *Snow Country* oleh Kawabata. Dengan merujuk kepada rasa *wabi* dan rasa *aware* dalam estetika Jepun, jelaskan nasib yang dialami oleh Komako sebagai seorang *geisha onsen*.

[100 markah]

- My Name is Red* oleh Orhan Pamuk menampilkan sebuah kisah misteri jenayah di Turki abad ke-16. Novel ini juga mengungkapkan wacana falsafah tentang tradisi Islam dan inovasi Barat dalam arena seni tampak. Pada masa yang sama, karya ini menawarkan pula sebuah kisah cinta yang mendebar.

Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini? Jawab dengan mengemukakan contoh-contoh yang jelas.

[100 markah]

- 3 -

Bahagian B

4. Secara umum Jawatankuasa Akademi Sweden (1988) telah memutuskan bahawa Naguib Mahfouz telah "membentuk seni naratif Arab yang berkenaan dengan semua manusia melalui karya-karyanya yang kaya dengan perbezaan dan kelainan nuansa."

Berdasarkan cerpen "Zaabalawi", bincangkan sejauh mana corak penulisan beliau yang masih mengekalkan ciri-ciri penulisan konvensional dan realisme, namun masih mampu menyerlahkan sudut-sudut menarik dan keunikian tersendiri yang dapat membuktikan pernyataan Jawatankuasa Akademi tersebut.

[100 markah]

5. Ketika diwawancara oleh Susannah Hunnewell (1990) untuk koleksi buku *The Art of Fiction*, beliau bertanyakan, "Why do you write?", Mario Vargas Llosa menjawab, "I write because I'm unhappy. I write because it's a way of fighting unhappiness." Dengan merujuk kepada novel *Riwayat Alejandro Mayta (The Real Life of Alejandro Mayta)*, bincangkan dan buktikan bahawa jalinan perwatakan dan plot novel tersebut adalah selari dengan kenyataan pengarang dalam wawancara itu.

[100 markah]

6. Menurut Wole Soyinka, penghasilan drama *The Swamp Dwellers* adalah didasarkan kepada usahanya untuk "capture a sense of community which I'd known in Nigeria." Jelas beliau selanjutnya, intipati drama ini merupakan satu bentuk "*expressions of my own observations of society*." Usaha dan pemerhatian beliau ini diambil kira oleh Jawatankuasa Akademik sebagai sesuatu yang jujur, unik dan asli.

Apakah yang dimaksudkan oleh pengarang apabila beliau menyatakan drama ini sebagai "*expressions of my own observations of society*"? Perbincangan anda perlu didasarkan kepada kisah-kisah yang berlaku terhadap watak Alu dan Makuri serta masyarakat setempat.

[100 markah]

- oooOooo -